

SOALAN KUIZ SESI 1 8/4/2021 PANDU PUTERI REMAJA

TAJUK: PENGENALAN KEPADA PANDU PUTERI REMAJA

1) Pandu Puteri Remaja merupakan sebuah pasukan yang dianggotai oleh remaja perempuan yang berumur di antara_____.

- A) 20 hingga 30 tahun B 11 hingga 15 tahun

2) Pandu Puteri mempunyai cogan katanya sendiri iaitu_____

- A) "SELALU SEDIA" B "SELALU RAJIN"

3) Pemimpin Pasukan Pandu Puteri Remaja dikenali sebagai_____

- A Leftenan B Kapten

4) Berikut merupakan salah satu undang-undang Pandu Puteri Remaja kecuali_____

A Seorang Pandu Puteri Remaja boleh dipercayai

B Seorang Pandu Puteri Remaja boleh menyatakan ketidakpuasan sewaktu menghadapi masalah.

5) Berikut adalah pakaian Pandu Puteri Remaja kecuali:

- A) Seluar panjang biru tua B Skaft merah

6) Apakah matlamat Perlembagaan Pantu Puteri Remaja?

A untuk melahirkan pelajar yang lasak dan berkemahiran

B untuk melahirkan pelajar yang bertanggungjawab, berdikari dan berdisiplin.

7) Ini adalah tanda hormat Pandu Puteri Remaja yang betul iaitu _____

A 4 jari tangan ditegakkan,ibu jari diletakkan di atas jari kelingking yang dibengkokkan.

B Tangan diangkat sehingga sama tinggi dengan dahi

8) Berikut adalah pakaian Pandu Puteri Remaja kecuali _____

A Flashes bahu

B Lencana Negeri

9) Berikut adalah pakaian Pandu Puteri Remaja kecuali _____

A Baju berlogo warna hijau lembut

B Baju berlogo warna merah terang

10) Berikut merupakan salah satu undang-undang Pandu Puteri Remaja kecuali _____

A Seorang Pandu Puteri Remaja boleh berbelanja

B Seorang Pandu Puteri Remaja sentiasa berjimat cermat.

Jawapan 1b2a3b4b5b6a7a8b9b10b

SOALAN KUIZ SES2 15/4/2021 PANDU PUTERI REMAJA

TAJUK: PEMAKAIAN PANDU PUTERI

1) Ahli Pandu Puteri perlu mengutamakan _____ dan _____

A rupa paras dan pakaian mereka

B kebersihan diri dan pakaian seragam mereka

2) Rambut yang panjang perlulah _____

A didandan ataupun diikat supaya tidak terurai

B boleh dilepaskan ataupun diikat mengikut cita rasa

3) Pakaian seragam perlu sentiasa berada dalam _____

A keadaan kemas dan bersih

B keadaan seadanya

4) Hanya anugerah yang _____ sahaja dipakai dengan pakaian seragam

A kedua

B tertinggi

5) Pemakaian perhiasan dibenarkan atau tidak dibenarkan?

A tidak dibenarkan

B dibenarkan

6) Fesyen seluar yang ditetapkan bagi pakaian rasmi adalah _____

A jenis seluar potongan carrot top

B jenis seluar potongan lurus

7) Pemakaian seluar jenis denim dibenarkan dengan kemeja-t semasa _____

A "indoor activity"

B perkhemahan dan aktiviti lasak

8) Apakah warna 'stoking,kasut dan tudung' Pandu Puteri Remaja?

A hitam

B biru tua

9) Adakah 'lambang kumpulan' penting untuk melengkapkan pakaian seragam?

A ya

B tidak

10) Adakah 'Woggle' sebahagian daripada pakaian seragam?

A ya

B tidak

Jawapan 1b2a3a4b5a6b7b8a9a10a

SOALAN KUIZ SESI 3 22/4/2021 PANDU PUTERI REMAJA

TAJUK: MENGENALKAN MAKSUD LAMBANG, BENDERA, LENCANA DAN COGAN

1) Apakah maksud symbol 'Trefoil' di lambing Pandu Puteri?

A Tiga bahagian jenis Pandu Puteri

B Tiga bahagian ikrar Pandu Puteri

2) Berapakan pecahan bintang di lambing Pandu Puteri?

A 12

B 14

3) Apakah maksud simbol 'Bintang pecah empat belas' di lambing Pandu Puteri?

A 13 buah negeri di Malaysia dan 1 melambangkan jarum kompas

B 14 buah negeri di Malaysia

4) Apakah warna Lencana Pandu Puteri Dunia?

A biru

B hitam

5) Simbol 'Trefoil' di lencana Pandu Puteri Dunia bercabang_____?

A 3

B 10

6) Apakah maksud symbol 'Bintang-bintang pada cabang trefoil'?

A bintang penunjuk jalan iaitu persetiaan dan undang-undang Pandu Puteri

B bintang sebagai penunjuk jalan yang harus dituju dalam Pandu Puteri

7) Berikut merupakan lambang bunga yang ditetapkan untuk Pandu Puteri Remaja kecuali:

A bunga kertas ,lili,matahari,mawar,orkid,raya

B bunga kertas, lili,teratai,amwar,orkid,raya

8) Setiap kumpulan boleh menyediakan bendera kecil bernama?

A pennant

B bendera kumpulan khusus

9) Berikut merupakan Panji-Panji Pandu Puteri kecuali:

A Bendera Malaysia

B Bendera Persatuan Pandu Puteri Dunia

10) Apakah lencana Pandu Puteri?

A Lencana Pandu Puteri dan Dunia

B Lencana Dunia dan Negeri Pandu Puteri

JAWAPAN:1b2b3a4a5a6a7b8a9b10a

SOALAN KUIZ SESI 4 6/5/2021 PANDU PUTERI REMAJA

TAJUK: MEMPERKENALKAN LAGU DAN PANGKAT

1) Senaraikan semua pangkat yang terdapat dalam Jawatankuasa Pandu Puteri Remaja.

- 1.
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.
- 6.
- 7.
- 8.

2) Lengkapkan Lagu Persatuan Pandu Puteri –Lagu Dunia

Lagu Dunia
Arah kita jelas ke depan,
Bendera berkibar;
Tidak berlipat di dunia
Harapan abadi;
Bersatu untuk kebenaran,
Persahabatan kukuh;
Selagi dunia masih ada
Akan nyanyi lagu ini.
Yang cintakan kebenaran,
Menetapkan janji;
Dengan rela berjasa,
setia abadi;
Kebebasan kita tepati,
Bersedia sama;

9) _____ 10) _____

Jawapan soalan 1

Jawatankuasa Pasukan Pandu Puteri Remaja terdiri daripada : 2.8.1 Ketua Pasukan 2.8.2 Penolong Ketua Pasukan 2.8.3 Setiausaha Pasukan 2.8.4 Penolong Setiausaha Pasukan 2.8.5 Bendahari Pasukan 2.8.6 Penolong Bendahari Pasukan 2.8.7 Ketua Kumpulan 2.8.8 Penolong Ketua Kumpulan

Jawapan soalan 2 :

Untuk semua miskin kaya,
kita beri, yang terdaya